

24/09/1997

Perang mulut jadi penyelesaian isu

Hafifi Hafidz; Azizi Othman in Hong Kong

HONG KONG, Selasa - Semua pihak sepatutnya menjadikan `perang mulut' antara Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad dengan George Soros sebagai permulaan menyelesaikan masalah ancaman spekulator di pasaran tukaran mata wang, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun beliau tidak mahu ditarik sama ke dalam kancah pertikaian itu, adalah menjadi hakikat bahawa spekulator menggunakan kelemahan awal di Thailand untuk kegiatan manipulasi urus niaga mata wang.

"Saya rasa sekarang, Dr Mahathir dan Soros sudah menyatakan apa yang terbuka di hati masing-masing. Kedua-duanya mempunyai penyokong mahu pun mereka yang simpati.

"Kenapa kita tidak boleh mengambil ini sebagai titik-tolak dan membuka mata untuk menyelesaikan masalah ini tanpa menjadikan `perang mulut' mereka sebagai halangan untuk sama-sama bertindak," katanya sambil menegaskan sebagai Menteri Kewangan, beliau mesti memastikan ekonomi negara berada dalam keadaan teratur.

Timbalan Perdana Menteri diiringi Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, yang tiba di sini semalam, akan berucap pada Mesyuarat Tahunan Tabung Mata wang Antarabangsa dan Bank Dunia (IMF-Bank Dunia), esok.

Anwar yang menjadi tumpuan untuk menjelaskan `perang mulut' antara Dr Mahathir dan Soros pada sidang akhbar di sini, hari ini, sekali lagi menafikan kritikan Perdana Menteri itu adalah untuk menutup kelemahannya.

"Dr Mahathir membuat pendirian mengenainya dan saya percaya kita bukannya menyalahkan hanya seorang, sekumpulan orang atau pengurus dana saja dalam masalah itu.

"Bagi Malaysia, walaupun selepas melalui pengalaman pahit ini, kita masih percaya kepada pelaburan asing dan pengurus dana tetapi mencadangkan supaya agensi seperti IMF lebih bertanggungjawab dan membantu negara membangun menangani masalah itu," katanya.

Diminta mengulas beberapa angka ekonomi yang diberikan oleh Soros kelmarin sebagai gambaran negatif ekonomi Malaysia, Anwar berkata, pembiaya kewangan itu mempunyai kefahaman yang amat sedikit terhadap ekonomi Malaysia.

"Beberapa angka yang dikemukakan oleh Soros seperti nisbah hutang bank juga nampaknya tidak tepat. Beliau silap dalam perkiraannya kerana kadar hutang lapuk di Malaysia sangat rendah iaitu hanya antara 3.3 dan 3.4 peratus.

"Dakwaannya mengenai kadar pinjaman swasta yang semakin meningkat pula sebenarnya tidaklah membimbangkan kerana dasar penswastaan negara yang menyebabkan tanggungan sektor awam dipindahkan kepadanya," katanya.

Mengenai apakah pengajaran yang dapat diperolehi daripada keruntuhan ekonomi Thailand, Anwar berkata, Malaysia mendapat banyak pengajaran bukan saja daripada krisis itu tetapi juga ketika mencapai kemajuan.

"Saya adalah seorang daripada minoriti yang sering merayu rakan sejawat di rantau ini supaya tidak berpuas hati dengan pujian dan pencapaian cemerlang ekonomi kita seperti dalam laporan Bank Dunia bertajuk The Asian Miracle.

"Sikap kita yang sentiasa merendah diri seperti ini banyak membantu kita membuat penyesuaian dan penilaian yang perlu terutama selepas krisis Mexico dan kini Thailand," katanya.

(END)

